



## CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT

Sempena Kempen 'Earth Hour', Hari Bumi dan Persediaan  
Menghadapi Cuaca Panas dan Kering, Peringkat Negeri  
Terengganu 2017

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :  
وَالْأَرْضُ مَدَدْنَهَا وَالْقِيَامُ فِيهَا رَواسِي وَأُنْبِتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ مَّوْزُونٍ ﴿١٩﴾ وَجَعَلْنَا  
لَكُمْ فِيهَا مَعِيشَ وَمَنْ لَسْتُمْ لَهُ بِرِزْقِينَ ﴿٢٠﴾ المائدة: 19-20  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّاي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan Kempen 'Earth Hour', Sambutan Hari Bumi dan keadaan cuaca panas dan kering yang mula melanda negeri Terengganu ketika ini, maka mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan tajuk khutbah Jumaat iaitu: “ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”.

## MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN,

Sebagai manusia, kita sentiasa mengharapkan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup, kita diwajibkan mensyukuri dan menghargai setiap kurniaan nikmat daripada Allah s.w.t. yang menjadi keperluan asas bagi kehidupan manusia. Nikmat air, udara, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan sebagainya merupakan ciptaan Allah sebagai pelengkap kepada kelangsungan kehidupan manusia di atas muka bumi. Kerana itulah Islam sangat mementingkan soal menjaga dan memelihara alam sekitar. Allah s.w.t. berfirman dalam surah Ibrahim ayat 32-34 yang berbunyi :

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ  
مِنَ الشَّجَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ  
وَسَخَّرَ لَكُمْ الْأَنْهَارَ ﴿٣٢﴾ وَسَخَّرَ لَكُمْ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ وَسَخَّرَ  
لَكُمْ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ﴿٣٣﴾ وَعَاثَنَكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَتَ  
اللَّهِ لَا تُحْصَوْهَا إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

**Maksudnya :** " Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan tadi, buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu, dan dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu mengambil manfaat darinya. Dan dia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan dia yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu . dan dia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu mahu menghitung nikmat Allah, nescaya

*lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia yang ingkar sangat suka menempatkan sesuatu bukan pada tempatnya, lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya ".*

Namun persoalan besar yang timbul ialah tindakan segelintir manusia yang tidak bersyukur dengan anugerah Allah SWT, tetapi ghairah mengeluarkan kekayaan dari perut bumi dan kerakusan menambah harta kekayaan sewenang-wenangnya sehingga merosakkan ekosistemnya, memberi kesan jangka masa panjang yang menyebabkan bencana yang tidak dijangka berlaku seperti meningkatnya paras air laut, meningkatnya suhu, banjir besar, gempa bumi, dan perubahan cuaca yang tidak menentu. Sikap kealpaan manusia dalam mengejar kemajuan pembangunan tanpa menghiraukan peringatan-peringatan yang disampaikan oleh para Rasul telah merosakkan perjalanan sistem makhluk kejadian Allah di atas muka bumi ini.

Cuba kita sama-sama renung dan fikir sejenak “Kenapa alam sekitar perlu dicintai dan dipelihara?” Seperti yang kita sedia maklum, alam sekitar adalah anugerah Allah kepada kita semua. Udara yang kita sedut misalnya perlu dipelihara demi memastikan makhluk Allah sejagat dapat bernafas udara yang segar dan tidak tercemar dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing secara efisien di dunia. Sekiranya tumbuh-tumbuhan tidak dapat menyedut gas karbon dioksida dalam kitaran hidupnya ini secara tidak langsung akan menjejaskan kehidupan manusia yang bergantung harap kepada tumbuh-tumbuhan untuk mendapatkan bekalan oksigen bagi tujuan pernafasan dan juga makanan dari komponen-komponen tumbuhan berkenaan. Saling kebergantungan sesama makhluk Allah SWT di muka bumi akan mewujudkan suasana yang harmoni seterusnya memastikan alam sekitar menjadi seimbang dan sesuai untuk didiami oleh setiap makhluk yang hidup.

## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Udara yang bersih adalah sangat penting bagi kehidupan manusia. Ia merupakan anugerah Allah SWT kepada makhlukNYA. Walaupun udara bersih itu diperolehi secara percuma, tiada sebab untuk kita mencemarinya.

Selepas mengalami musim hujan pada akhir tahun 2016 sehingga ke awal tahun 2017, negeri kita Terengganu Darul Iman pada masa sekarang sedang mula menerima cuaca panas dan kering. Dalam keadaan cuaca yang sebegini, masalah pencemaran udara seperti jerebu mudah berlaku disebabkan oleh aktiviti pembakaran terbuka yang tidak terkawal. Apabila pencemaran udara berlaku, ia akan memberi kesan yang ketara kepada kesihatan kita semua terutama bagi mereka yang menghidapi penyakit berkaitan pernafasan seperti asma. Ia juga mudah memberi kesan yang negatif bayi dan kanak-kanak serta golongan tua. Pembakaran terbuka yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kemusnahan harta benda serta nyawa. Sekiranya fenomena ini tidak dikawal sebaik mungkin ianya boleh menyebabkan krisis dan bencana.

Sebab itulah, saudara-saudara Muslimin yang dihormati sekalian, kita haruslah sensitif terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara sehingga mengakibatkan jerebu, terutamanya **pembakaran terbuka**. Maka perlulah kita sedar bahawa alam sekitar yang dikurniakan kepada kita ini **perlu dipelihara**. Allah SWT menjelaskan di dalam surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

**Maksudnya:** "Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan

*manusia, timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)".*

## **MUSLIMIM YANG DIMULIAKAN,**

Allah s.w.t. telah menjadikan kita sebagai khalifah di muka bumi ini. Sebagai khalifah Allah kita wajib patuh dan taat kepada perintah-Nya. Maka, seharusnya kita hendaklah memakmurkan dan memelihara bumi kurniaan Allah ini, bukannya dengan melakukan kerosakan, melakukan pencemaran dan sebagainya. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kerosakan sepertimana firman-nya dalam surah al-Baqarah ayat 205:

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ ﴿٢٠٥﴾

**Bermaksud :** " *Dan apabila ia berpaling ( dari kamu ), ia berjalan di bumi untuk mengadakan kerosakan padanya, dan merosak tanam-tanaman dan binatang ternak dan Allah tidak menyukai kebinasaan "* .

Kita harus sedar bahawa kehidupan kita tidak terbatas hanya kepada hubungan sesama manusia, tetapi juga hubungan kita dengan alam persekitaran. Kesejahteraan yang kita nikmati adalah hasil daripada kelangsungan kehidupan yang mesra antara manusia dengan alam sekitar.

Justeru dalam mengejar kemajuan dan pembangunan, janganlah kita cenderung untuk membangunkan aspek fizikal secara tamak haloba dan rakus,

tanpa mengambil kira faktor-faktor keselamatan, pencemaran atau kerosakan terhadap alam sekitar. Akibatnya keseimbangan isi alam tidak dapat dikekalkan, maka ia mengundang bencana dan malapetaka kepada manusia. Kerana itulah, kita sebagai khalifah Allah adalah bertanggungjawab menjaga dan memelihara alam ini, supaya kesejahteraan kehidupan kita dan alam sekitar ini dapat dipertahankan serta diwarisi untuk generasi akan datang.

### **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Samada dalam sedar atau tidak, dari hari hari ke sehari kita dapat merasakan perubahan iklim secara amnya. Kepada hadirin yang lahir dalam tahun awal 60an, pasti bersetuju bahawa cuaca telah semakin panas, musim hujan telah tidak menentu, tiada lagi penggunaan beg-beg kertas digunakan di kedai-kedai apa lagi di pasaraya-pasaraya pada masa kini. Oleh itu, atas kesedaran tersebut dan keperihatinan terhadap isu pemanasan bumi, pada 25 Mac 2017, bersama-sama komuniti seluruh dunia dari 178 negara, negeri kita Terengganu Darul Iman turut serta dalam kempen "EARTH HOUR" dengan memadamkan lampu-lampu pada bangunan-bangunan yang terpilih selama 1 jam bermula 8.30 malam sehingga 9.30 malam. Ianya suatu kempen bagi memberi kesedaran kepada rakyat Terengganu bahawa betapa pentingnya penjagaan alam sekitar dengan cara menjimatkan sumber-sumber alam semulajadi seperti sumber air, minyak dan gas, serta menjimatkan penggunaan elektrik akan dapat memberi impak yang besar terhadap perubahan cuaca dan pemanasan bumi. Adalah diharapkan kempen ini akan berjaya memberi kesedaran ke arah keperluan menggubal undang-undang mesra alam sekitar seperti pengharaman penggunaan polisterina dan beg plastik, menggalakkan penggunaan tenaga solar dan lampu LED.

Dalam memastikan kesinambungan penjagaan alam sekitar yang berterusan dan dapat memberi impak kepada pelajar sekolah, pelajar IPT dan orang

awam, pada 22 April setiap tahun, diisytiharkan sebagai HARI BUMI. Pada hari tersebut, pelbagai aktiviti mesra alam akan diadakan. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ialah menanam pokok, berbasikal, berjalan kaki, kempen hari tanpa polisterina dan beg plastik, memberi ceramah mengenai selamatkan lapisan ozon dan lain-lain lagi.

### **HADIRIN YANG DIMULIAKAN,**

Alam sekitar yang begitu indah yang dikurniakan oleh Allah s.w.t, ini perlu dipelihara dan ditadbir melalui kaedah atau pendekatan yang seimbang lagi menyeluruh. Pembangunan modal insan yang berteraskan kepada kehidupan nilai-nilai murni agama, dapat membantu memulihara alam sekitar ini dari terus dirosak dan dimusnahkan. Kita semua mestilah mengambil peranan untuk sama-sama memulihara dan menjaga alam sekitar yang berada disekeliling kita, baik kita pegawai kerajaan, sebagai petani, nelayan, pengusaha kilang, pengusaha kedai makan, orang awam dan sesiapa sahaja agar hasrat murni ini dapat dicapai.

Antara kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah :

1. Islam menuntut kita agar bertanggungjawab dalam menjaga dan memulihara alam sekitar kerana ia merupakan anugerah Allah yang amat bernilai.
2. Kejadian bencana dan musibah alam sekitar yang berlaku hari ini adalah akibat segelintir perbuatan manusia tidak bertanggungjawab yang merosakkan khazanah alam ini.

Sebagai seorang Islam, hendaklah kita fahami bahawa ajaran Islam telah meletakkan kepentingan awam diutamakan dan ia melebihi kepentingan individu dalam setiap kegiatan seharian.

### **MUSLIMIM YANG DIMULIAKAN,**

Akhirnya, bagi menjamin kehidupan yang selesa dan bahagia kita mestilah menghargai dan memelihara setiap kurniaan Allah s.w.t., janganlah kita menjadi perosak kepada alam ini. Udara yang bersih, air yang jernih, tumbuhan yang menghijau, haiwan-haiwan yang hidup di sekitar kita, adalah merupakan bukti kebesaran dan ciptaan Allah yang menjadi pelengkap kepada kehidupan manusia. Firman Allah dalam surah al-Anfal ayat 25 yang berbunyi :

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَعَلَّمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

**Maksudnya :** " Dan peliharalah dirimu dari pada siksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim saja di antara kamu. dan ketahuilah bahawa Allah amat keras siksaanya ".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.